



TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menandatangani buku pelawat sebelum merasmikan Konvensyen Kebangsaan Ketiga Fortiss Berhad di sebuah hotel terkemuka di Kuala Lumpur, semalam.

Malaysia negara maju 10 tahun lagi — Mahathir

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Ahad.— Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan syarikat-syarikat pemasaran supaya berjaga-jaga terhadap orang-orang tidak lurus memperalatkan syarikat-syarikat mereka.

Kata beliau, dengan perkembangan berbagai teknik pemasaran, terdapat kemunculan sebilangan besar penipu dan penyamar.

"Orang-orang seperti ini memperdayakan orangramal dengan membuat perwakilan palsu," tambahnya.

Berucap di perasmian Konvensyen Kebangsaan Ketiga Fortiss Berhad di sebuah hotel terkemuka di sini hari ini, beliau berkata, seringkali orang-orang ini menggunakan nama syarikat dan orang terkenal untuk menyakinkan mangsa-mangsa mereka.

Keuntungan

Kata Datuk Seri Dr. Mahathir, syarikat-syarikat pemasaran harus berjaga-jaga dan menjauhkan diri dari penipu-penipu yang mempergunakan syarikat mereka.

Di samping itu, beliau berkata, syarikat-syarikat pemasaran patut men-

didik pengguna-pengguna mereka dan jangan hanya mementingkan keuntungan saja.

Katanya, ini untuk membolehkan para-pengguna memilih barangan sesuai memandangkan berbagai jenis barangan yang terdapat di pasaran.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian, meramalkan menjelang 1990, Malaysia akan terkeluar dari golongan "negara-negara kurang maju."

"Tanda-tandanya sudah ada. Kita mempunyai sumber, sistem ekonomi baik yang menggalakkan pembangunan dan dasar-dasar mencukupi," tambahnya.

Katanya, walaupun sebagai Menteri Perdagangan dan Perindustrian beliau mengetuai banyak rombongan ke berbagai negara untuk menarik pelaburan luar, tetapi ini tidak bermakna Kerajaan tidak menggalakkan usahawan-usahawan tempatan membuat pelaburan di negara ini.

Dasar Ekonomi Baru, tambah Datuk Seri Dr. Mahathir, dituju ke arah mengadakan dan menggalakkan usahawan-usahawan tempatan.

Katanya, di sebabkan ini terdapat institusi-institusi seperti Pusat Daya Pengeluaran, Medec dan Mara yang memainkan peranan aktif dalam latihan sementara MIDFL serta Bank Pembangunan pula dalam bantuan kewangan.

No. Siri

No. Penerbit